

GPMS anjur Program Konvoi Jejak Obor

SIF 27/07/08 P8-T4



Pelajar dari 20 IPTA berkumpul bagi bersama menjayakan Program Konvoi Jejak Obor di UMT, Tok Jembal, semalam.

Seramai 68 penuntut daripada 20 buah IPTA menjayakan penganjuran itu sempena meraikan Ulang Tahun Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) ke-60 tahun.

■ AZIRA MOHD NASIR

KUALA TERENGGANU -

Pemupukan semangat dan minat akan lahir dengan sendirinya sekiranya pelajar bijak mengaplikasikan segala ilmu yang diperoleh dengan perkara yang boleh membantu meningkatkan keupayaan diri.

Timbalan Presiden Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Syed Anuar Syed Mohamad, berkata, setakat hari ini pihaknya telah menganjurkan pelbagai program berhubung penglibatan pelajar universiti sebab yakin dapat menarik minat mereka serta memberi pendedahan khusus mengenai pembangunan yang telah, sedang dan bakal dilaksanakan di negeri ini kelak.

"Tujuan kita bukan sekadar untuk mempromosikan peranan GPMS, tetapi pada masa yang sama kita turut memberi pendidikan dan pendedahan kepada mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Program Konvoi Jejak Obor di kafe kediaman Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Tok Jembal, dekat sini, semalam.

Pada program tersebut, seramai 68 penuntut daripada 20 buah Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menjayakan penganjuran itu sempena meraikan Ulang Tahun Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) ke-60 tahun.

Selain itu, GPMS juga bermatlamat melahirkan pelajar cemerlang tetapi perlu menjurus kepada pembentukan akal dan sahsiah diri yang baik sebab golongan itulah yang akan

meneraju masa depan negeri Terengganu.

Syed Anuar berkata, beliau yakin dengan wujudnya GPMS, ia akan membantu meningkatkan prestasi kendiri serta menggalakkan mereka agar bijak merebut peluang yang ada untuk membuktikan diri mampu mengalas tanggungjawab sebagai pemimpin berkaliber satu masa kelak.

"Kita harap melalui program ini dapat meluaskan pemikiran pelajar IPTA serta memperbaiki proses interaksi antara satu sama lain supaya lebih berkualiti dan berani berhadapan dengan cabaran lebih hebat," ujar beliau.